

# Sukan

## INFO SUKAN

DEWAN Kecemerlangan yang berada di galeri sukan, yang terletak di Stadium Negara Hassanal Bolkiah memaparkan wajah-wajah atlet negara yang telah berjaya menempa nama di persada sukan, membawa pulang pingat dan mengharumkan negara di peringkat antarabangsa. Mereka menjadi tokoh-tokoh sukan dalam ristaan yang dapat dibanggakan.




ePaper Pelita Brunei

## JAGA KESIHATAN DENGAN RIADAH, SUKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyempurnakan Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2021.



SESI pemanasan badan dan suasana acara sukan track and field bagi peserta lelaki pada Sukan Tahunan dan Hari Usrah tersebut (kanan dan kiri).



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Sukan dan Logistik, Majlis Perwakilan Pelajar, baru-baru ini, mengadakan Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2021, bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah Polis Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Acara tahunan itu juga dihadiri sama oleh pegawai-pegawai utama, para pensyarah dan para mahasiswa UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan perbarisan lalu, disertai oleh para pelajar mengikut senarai rumah sukan masing-masing, iaitu Pasukan Al-Mujtahidun, dengan tema warna kelabu;

Pasukan Al-Mufakkirun, bertemakan warna kuning; warna biru bagi Pasukan Al-Abqoriyun; dan Pasukan As-Syatirun pula dengan tema warna merah.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan ucapan daripada Exco Unit Sukan dan Logistik, Awang Afif Jazimin bin Emran, diikuti dengan Perasmian Majlis Pembukaan Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2021, disempurnakan oleh Rektor UNISSA. Tetamu kehormat seterusnya beramah mesra bersama pasukan-pasukan rumah sukan.

Majlis diikuti lagi dengan sesi pemanasan badan, yang

dikendalikan oleh para Ahli Unit Sukan dan Logistik juga dimeriahkan lagi dengan sesi bergambar ramai. Acara sukan track and field bagi peserta lelaki diadakan di kawasan padang, manakala bagi peserta perempuan pula, diadakan dalam bentuk pertandingan indoor games, seperti congkak, board games dan relay games, diadakan dalam Dewan Permainan.

Sukan tahunan kali ini turut disertai oleh wakil dari Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); dan Politeknik Brunei (PB).

Antara tujuan acara diadakan ialah untuk mengeratkan lagi ikatan silaturahim bersama para warga UNISSA dan sebagai pengisian cuti semester untuk menjaga kesihatan dengan riadah juga aktiviti sukan.

## Pupuk kemesraan melalui Sukan Ria

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Dk. Mas Siti Rasifah Adyani Pg. Haji Sabtu



SESI bergambar ramai pada Acara Sukan Ria PHL 2021 (atas), sementara gambar kanan, Ahli Kumpulan Rumah Sapphire yang memberikan sokongan pada Acara Sukan Ria berkenaan. Salah satu permainan yang dipertandingkan pada Acara Sukan Ria PHL 2021 (bawah).

**TUTONG**, Khamis, 11 Mac. - Lebih 100 ahli keluarga Allahyarham Pengiran Haji Lampoh bin Pengiran Kuntat dan Pengiran

Hajah Piut binti Pengiran Haji Muhammad berkumpul bagi Acara Sukan Ria PHL 2021, di Dewan Seri Kenangan Tutong, pada 7 Mac lalu.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai, disusuli dengan perarakan masuk bagi kumpulan-kumpulan yang terbahagi kepada empat 'rumah', iaitu Ruby; Amber; Jade; dan Sapphire.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat dan ucapan daripada wakil pengerusi, disusuli dengan senaman aerobik juga persembahan dari setiap kumpulan yang ikut serta.

Sebanyak lima jenis permainan (games) dipertandingkan semasa acara tersebut iaitu bagi kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah menyertai Game 1 dan Game 5; kanak-kanak berumur 7 ke 10 tahun menyertai Game 1, Game 2 dan Game 4; ahli keluarga berumur 11 hingga 15 tahun menyertai Game 2, Game 3 dan Game 4;

ahli keluarga berumur 16 hingga 23 tahun menyertai Game 1, Game 2 dan Game 4; dan bagi ahli keluarga berumur veteran ialah Game 1, Game 2 dan Game 3.

Acara Sukan Ria itu diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara kaum keluarga dan sanak saudara,

di samping memupuk kemesraan sesama keluarga dan menjalin persefahaman yang mantap.

Ahli keluarga Allahyarham Pengiran Haji Lampoh bin Pengiran Kuntat dan Pengiran Hajah Piut binti Pengiran Haji Muhammad terdiri daripada 13 orang anak-anak dan kini semakin berkembang

keramaiannya, iaitu seramai 210 orang termasuk cucu-cucu dan cicit-cicit.

Melalui acara Sukan Ria itu, ia diharapkan agar cucu cicit dari keluarga tersebut akan lebih mengenali kaum keluarga mereka sendiri dan akan terus mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan mereka.

## Tahukah Awda

**L**OMBONG Arang Batu terletak di Broketon, dahulunya dikenali sebagai Muara damit. Dua kilometer dari Pekan Muara, di Mukim Serasa dan berhampiran jalan pusing keliling Lebuhraya Muara - Tutong. Peralatan tradisi yang digunakan untuk mengeluarkan arang batu ialah cangkul, penyodok dan tukul, tetapi tradisi ini kemudian digantikan dengan kaedah terbaharu cara perlombongan. Arang batu telah dieksport ke Labuan.

SUMBER : Pusat Sejarah Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

SEMBAHYANG LIMA WAKTU LEBIH AFDAL DITUNAIKAN PADA AWAL WAKTU SECARA BERJEMAAH DI MASJID

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam